

02/08/2003

Malaysia pertama guna dua sistem mobile 3G

MALAYSIA mencipta sejarah dalam teknologi komunikasi rantau Asia, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat panggilan data dan suara antarabangsa pertama melalui dua sistem mobile 3G iaitu EDGE ke WCDMA.

Panggilan itu dilakukan menggunakan sistem teknologi EDGE terletak di Ericsson@-MSC, Cyberjaya, yang menghubungkan panggilan Dr Mahathir dengan tiga rakyat Malaysia yang kini bekerja di Ericsson, Sweden.

Komunikasi itu dilakukan sempena majlis pelancaran Ericsson@MSC, di Cyberjaya, Selasa lalu.

Tiga pekerja itu ialah Pengurus Projek (Ericsson Connectivity Packet Platform untuk 3G), Cathy Tang, yang berada di Sweden sejak 1982; Jurutera Sokongan Ujian (Sokongan Pelanggan dan ADSL-AXE), Johnny Ong Hong Lean (berada di Sweden sejak 1984) dan Jurutera Penyelidikan Kanan (Penyelidikan Ericsson-Sistem Rangkaian IP), Vicknesan Ayadurai (berada di Sweden sejak 1999).

Pekerja di Sweden itu menerima panggilan melalui tiga sistem rangkaian WCDMA yang dikendalikan oleh Telia Sonera, iaitu antara sembilan pengendali komersial untuk sistem rangkaian WCDMA di dunia.

Naib Presiden Eksekutif LM Ericsson, Ragnar Back berkata, dengan kejayaan pelaksanaan telekomunikasi itu, ia membuka satu era baru dalam industri telekomunikasi negara ini.

Beliau yang juga Presiden Ericsson, Asia Pasifik berkata, pengguna kini berada dalam peringkat paling menarik dalam sejarah telekomunikasi yang mana teknologi itu berupaya menyediakan banyak pilihan dalam penggunaan telefon bimbit sama ada menghantar e-mel, membaca fail dan sebagainya.

"Kebanyakan daripada perkhidmatan itu tidak dianggap sebagai komersial beberapa tahun lalu. Namun apa yang dianggap sebagai satu idea masa itu, kini diwujudkan dalam bentuk realiti hasil kemajuan teknologi 3G yang menyaksikan penghantaran secara serentak, suara, data, auto dan video melalui sambungan jalur lebar berkelajuan tinggi," katanya.